

LATIHAN BAHASA UNTUK P5 & P6

KEFAHAMAN (MCQ)




MOHAMED NAIM DAUPI



www.saujana.sg


SOALAN BERIKUT DIKUMPULKAN OLEH
JAWATANKUASA PENGUMPULAN SOALAN P5 & P6



**KEFAHAMAN
(MCQ)
ARAHAN:**

Baca teks dalam petak berwarna halaman demi halaman terlebih dahulu. Kemudian, jawab soalan yang terdapat di sebelah kanan teks.


Semoga Berjaya!



KEFAHAMAN (MCQ)

1

Pada tiap-tiap tahun dari bulan Mei hingga ke bulan Oktober, suatu perkara ganjil berlaku di pantai yang indah bernama Pantai Rantau Abang di negeri Terengganu. Pantai yang indah ini didarati oleh beratus-ratus ekor penyu. Perkara ini telah menarik perhatian ramai orang dari negara-negara jiran untuk berkunjung ke tempat itu pada masa musim penyu bertelur.



KEFAHAMAN (MCQ)

2


Penyu sebenarnya tinggal di laut dan hanya naik ke darat untuk bertelur. Panjang badannya kira-kira dua meter dan beratnya pula kira-kira tiga ratus lima puluh kilogram. Dalam musim bertelur, penyu-penyu itu akan naik ke pantai pada waktu malam. Apabila tiba masanya, beratus-ratus ekor penyu akan kelihatan mendarati pantai itu. Sungguhpun penyu-penyu ini boleh berenang dengan begitu pantas di dalam air, tetapi apabila di darat, penyu-penyu tidak dapat bergerak cepat. Penyu merangkak menggunakan kakinya yang berbentuk seperti dayung sampan.



KEFAHAMAN (MCQ)

3


Apabila tiba di tempat yang sesuai di pantai itu, penyu akan menggali sebuah lubang. Di lubang-lubang inilah penyu itu bertelur. Seekor penyu boleh mengeluarkan beratus-ratus biji telur setiap kali bertelur. Apabila bertelur, penyu-penyu itu tidak menghiraukan apa-apa yang berlaku di sekelilingnya. Selepas bertelur, penyu **menimbus** lubang itu dengan pasir supaya telurnya tidak kelihatan dari luar.



KEFAHAMAN (MCQ)

4

Telur penyu itu bulat bentuknya. Kulit telurnya lembut, tidak seperti telur ayam atau itik. Kita boleh makan telur penyu ini setelah direbus. Sungguhpun telur ini direbus, isinya tidak boleh menjadi keras seperti telur ayam atau itik.



KEFAHAMAN (MCQ)

5

Selepas bertelur, penyu akan kembali ke laut dan menjalani hidup asalnya. Kerajaan Negeri Terengganu tidak membenarkan semua telur penyu itu dipungut orang. Para pegawai yang bertugas akan menetaskan telur-telur penyu yang telah dikumpulkan. Setelah menetas, anak-anak penyu akan dilepaskan ke laut. Kerajaan berbuat demikian supaya bilangan penyu itu dapat **membiaik** dan tidak akan terus hilang di dunia ini.




**KEFAHAMAN
(MCQ)
SOALAN 1**

1

Musim penyu bertelur berlangsung selama

_____.

- | | |
|-----|--------------|
| | |
| (1) | tiga bulan. |
| (2) | bulan. |
| (3) | enam bulan. |
| (4) | lapan bulan. |




**KEFAHAMAN
(MCQ)
SOALAN 2**

2

Penyu-penyu itu tidak boleh bergerak pantas di daratan kerana _____.

- (1) jangka hayat mereka pendek.
- (2) kulit badan mereka terlalu keras.
- (3) mereka tidak boleh hidup di daratan.
- (4) bentuk kaki mereka tidak serupa dengan binatang darat.




**KEFAHAMAN
(MCQ)
SOALAN 3**

3

Makna membiak dalam petikan bermaksud

_____ .

- | | |
|-----|---------------------------|
| (1) | hidup tidak menentu |
| (2) | keluar mencari makan |
| (3) | pupus dalam masa tertentu |
| (4) | berkembang menjadi banyak |



**KEFAHAMAN
(MCQ)
SOALAN 4**

4

Perkataan yang berlawanan dengan perkataan
menimbus ialah _____.

- | | |
|-----|-----------|
| (1) | menggali |
| (2) | menggaul |
| (3) | melenyek |
| (4) | memangkah |



**KEFAHAMAN
(MCQ)
SOALAN 5**

5

Satu perkataan yang terdapat dalam teks dan bermaksud mengeramkan ialah _____.

- | | |
|-----|---------------|
| | |
| (1) | menjadikan |
| (2) | menetaskan |
| (3) | mewujudkan |
| (4) | menghancurkan |



KEFAHAMAN (MCQ 08)

JAWAPAN

SOALAN	1	2	3	4	5
JAWAPAN	3	4	4	1	2

MOHAMED NAIM DAUPI



www.saujana.sg

**BAHAN INI DIKUMPULKAN OLEH
JAWATANKUASA PENGUMPULAN SOALAN P5 & P6**